



BSN Takaful Makmur

Simpan sekarang dan dapatkan Ganjaran untuk
masa depan yang lebih baik



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

Gambar sekadar ilustrasi.
Tertakluk pada terma dan syarat.



1300-88-1900

www.bsn.com.my



BSNMalaysia

Kita semua mempunyai matlamat hidup yang unik yang ingin dicapai di setiap peringkat hidup. Ini mungkin termasuk membeli rumah impian, menikmati percutian idaman yang telah lama dinantikan, menyimpan untuk pendidikan anak-anak atau merancang persaraan tanpa beban.



Tidak kira apa impian dan matlamatnya, perancangan yang proaktif adalah sangat penting.

Memperkenalkan **BSN Takaful Makmur**, pelan simpanan utama yang direka untuk memenuhi matlamat kewangan anda.

Perlindungan menyeluruh ini bukan sahaja memastikan anda dilindungi, tetapi juga membawa anda selangkah lebih dekat dengan matlamat simpanan anda.

Sekilas Manfaat

BSN Takaful Makmur merupakan pelan takaful keluarga yang menyediakan Bayaran Tunai Tahunan setiap tahun bermula pada akhir tahun sijil yang pertama sehingga sijil matang.

Pelan ini membayar Manfaat Matang dan menyediakan perlindungan kematian dan Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD) sepanjang tempoh perlindungan.

MANFAAT-MANFAAT UNIK



FLEKSIBILITI

Anda boleh memilih jangka masa pembayaran sumbangan antara 3 tahun atau 5 tahun, mengikut kemampuan dan keperluan kewangan anda.



BAYARAN TUNAI TAHUNAN (ACP)

Anda akan menerima trend peningkatan ACP setiap tahun bermula dari akhir tahun sijil pertama sehingga sijil matang. Anda boleh pilih untuk menggunakan atau melabur semula ACP anda bersama PruBSN.

BAYARAN TUNAI TAHUNAN*

(% Sumbangan Tahunan Asas)



*Tertakluk kepada Terma dan Syarat



POTENSI PULANGAN TERBAIK

Anda mempunyai pilihan untuk melabur dalam pelbagai dana Takafulink kami untuk potensi keuntungan pelaburan dari Akaun Unit Pelaburan (IUA), apabila anda melampirkan Takaful Saver atau mengumpulkan ACP dalam IUA.



PERLINDUNGAN HAYAT

Anda dan keluarga anda akan dilindungi dari segi kewangan sekiranya berlaku Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD) atau kematian berlaku terhadap anda.

Sekiranya kematian anda disebabkan oleh kemalangan, Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat kematian.

Nota:

1. Manfaat TPD/Kematian Akibat Kemalangan adalah sehingga umur 70 tahun pada hari jadi berikutnya.
2. Sila rujuk kepada Ciri- ciri Produk di bawah untuk butiran lanjut tentang pembayaran manfaat-manfaat.



PEMBAYARAN PADA SIJIL MATANG

Anda akan merima Manfaat Matang yang lebih tinggi bersamaan dengan Jumlah Perlindungan Asas atau jumlah dalam Akaun MaxiShield (MSA), bersama dengan jumlah dalam IUA (jika ada) apabila sijil matang.

Nota:

Manfaat matang hanya dibayar dengan syarat anda telah membayar sumbangan anda sepenuhnya dalam tempoh penangguhan sumbangan. Jika tidak, hanya amaun dalam MSA dan nilai tunai dalam IUA (jika ada) pada tarikh penilaian selepas tarikh matang akan dibayar pada tarikh sijil matang.



PERLINDUNGAN TAMBAHAN KOMPREHENSIF

Anda boleh memilih untuk menambah mana-mana Rider Pilihan untuk memenuhi keperluan anda.

Untuk butiran lanjut tentang Rider Pilihan, sila rujuk Ciri-ciri Produk di bawah.



DIJAMIN LULUS

Permohonan yang mudah dan tiada pemeriksaan perubatan diperlukan dengan Tawaran Pemberian Dijamin (GIO)*.

* Tawaran Pemberian Dijamin (GIO) untuk Jumlah Perlindungan Asas sehingga RM300,000 (setiap hayat). Terpakai kepada pelan asas tanpa lampiran rider (kecuali Takaful Saver).

Ciri-ciri Produk

Maklumat penting yang perlu anda tahu

JENIS	MAKLUMAT														
Umur	3 Tahun CPT: berumur 14 hari - umur 50 tahun pada hari jadi berikutnya 5 Tahun CPT: berumur 14 hari - umur 55 tahun pada hari jadi berikutnya														
Tempoh Bayaran Sumbangan (CPT)	3 atau 5 tahun														
Jumlah Perlindungan Asas	3 Tahun CPT: 170% daripada sumbangan asas tahunan 5 Tahun CPT: 280% daripada sumbangan asas tahunan														
Tempoh Perlindungan	15 tahun														
Sumbangan	Anda boleh memilih jumlah sumbangan mengikut kemampuan dan keperluan kewangan anda, dari serendah RM3,600 setahun untuk 5 Tahun CPT dan RM6,000 setahun untuk 3 Tahun CPT.														
Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD)	<p>Sekiranya berlaku kematian atau TPD¹ terhadap Orang yang Dilindungi sebelum tamat tempoh perlindungan, PruBSN akan membayar jumlah yang lebih tinggi antara:</p> <p>(a) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Kematian² pada masa tuntutan dengan penolakan sebarang sumbangan asas yang belum dibayar (termasuk Caj Sijil Wakalah); atau</p> <p>(b) Amaun dalam MSA ditambah dengan nilai unit dalam IUA (jika ada).</p> <p><i>Nota:</i></p> <p>¹ Perlindungan TPD berkuat kuasa sehingga tarikh ulang tahun sijil apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikutnya atau tamat tempoh perlindungan, yang mana lebih awal.</p> <p>² Untuk 2 tahun pertama sijil: 100% daripada jumlah sumbangan asas yang dibayar (termasuk Caj Sijil Wakalah) - Jumlah keseluruhan ACP yang dibayar; Dari tahun sijil ke-3 dan seterusnya: 105% daripada jumlah sumbangan asas yang dibayar (termasuk Caj Sijil Wakalah) - Jumlah keseluruhan ACP yang dibayar</p>														
Manfaat Kematian Kemalangan	Sekiranya berlaku kematian terhadap Orang Yang Dilindungi disebabkan oleh kemalangan sebelum tarikh ulang tahun sijil Orang Yang Dilindungi mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikutnya atau tamat tempoh perlindungan, yang mana lebih awal, PruBSN akan membayar tambahan 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas di atas pembayaran Manfaat Kematian.														
Bayaran Tunai Tahunan (ACP)	<p>Anda akan menerima trend peningkatan ACP setiap tahun bermula dari akhir tahun sijil pertama sehingga tempoh sijil matang. Anda boleh memutuskan untuk menggunakan atau melabur semula ACP anda dengan PruBSN.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Akhir Tahun Sijil</th> <th colspan="2">Bayaran Tunai Tahunan (% Sumbangan Asas Tahunan)</th> </tr> <tr> <th>CPT: 3 Tahun</th> <th>CPT: 5 Tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 - 5</td> <td>5%</td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>6 - 10</td> <td>10%</td> <td>15%</td> </tr> <tr> <td>11 - 15</td> <td>15%</td> <td>25%</td> </tr> </tbody> </table>	Akhir Tahun Sijil	Bayaran Tunai Tahunan (% Sumbangan Asas Tahunan)		CPT: 3 Tahun	CPT: 5 Tahun	1 - 5	5%	10%	6 - 10	10%	15%	11 - 15	15%	25%
Akhir Tahun Sijil	Bayaran Tunai Tahunan (% Sumbangan Asas Tahunan)														
	CPT: 3 Tahun	CPT: 5 Tahun													
1 - 5	5%	10%													
6 - 10	10%	15%													
11 - 15	15%	25%													
Manfaat Matang	<p>Anda akan merima Manfaat Matang yang lebih tinggi bersamaan dengan Jumlah Perlindungan Asas atau jumlah dalam Akaun MaxiShield (MSA), bersama dengan jumlah dalam IUA (jika ada) apabila sijil matang.</p> <p><i>Nota:</i></p> <p>Manfaat Matang hanya dibayar jika anda telah membayar sumbangan anda sepenuhnya dalam tempoh penangguhan sumbangan. Jika tidak, hanya amaun dalam MSA dan nilai unit dalam IUA (jika ada) pada tarikh penilaian selepas tarikh matang yang akan dibayar pada waktu sijil matang.</p>														

JENIS	MAKLUMAT				
Rider Pilihan	<p>Ubahsuai perlindungan anda dengan pilihan rider-rider berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Saver Rider</td><td>Tingkatkan nilai tunai anda dengan potensi pulangan yang lebih tinggi apabila anda melampirkan Takaful Saver. Sumbangan anda akan diperuntukkan dalam IUA, di mana anda boleh memilih dana pelaburan untuk melabur. Untuk maklumat lanjut mengenai profil dana dan prestasi masa lalu, sila rujuk ke laman web www.prubsn.com.my</td></tr> <tr> <td>Contributor Riders</td><td> <p>Sijil anda akan terus berkuat kuasa sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD (jika berkenaan) atau penyakit kritikal terhadap diri sendiri atau ahli keluarga anda yang dilindungi apabila rider-rider berikut dilampirkan bersama pelan asas anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contributor Protect • Contributor Saver • Contributor Parent Protect • Contributor Parent Saver • Contributor Spouse Protect • Contributor Spouse Saver </td></tr> </table>	Saver Rider	Tingkatkan nilai tunai anda dengan potensi pulangan yang lebih tinggi apabila anda melampirkan Takaful Saver. Sumbangan anda akan diperuntukkan dalam IUA, di mana anda boleh memilih dana pelaburan untuk melabur. Untuk maklumat lanjut mengenai profil dana dan prestasi masa lalu, sila rujuk ke laman web www.prubsn.com.my	Contributor Riders	<p>Sijil anda akan terus berkuat kuasa sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD (jika berkenaan) atau penyakit kritikal terhadap diri sendiri atau ahli keluarga anda yang dilindungi apabila rider-rider berikut dilampirkan bersama pelan asas anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contributor Protect • Contributor Saver • Contributor Parent Protect • Contributor Parent Saver • Contributor Spouse Protect • Contributor Spouse Saver
Saver Rider	Tingkatkan nilai tunai anda dengan potensi pulangan yang lebih tinggi apabila anda melampirkan Takaful Saver. Sumbangan anda akan diperuntukkan dalam IUA, di mana anda boleh memilih dana pelaburan untuk melabur. Untuk maklumat lanjut mengenai profil dana dan prestasi masa lalu, sila rujuk ke laman web www.prubsn.com.my				
Contributor Riders	<p>Sijil anda akan terus berkuat kuasa sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD (jika berkenaan) atau penyakit kritikal terhadap diri sendiri atau ahli keluarga anda yang dilindungi apabila rider-rider berikut dilampirkan bersama pelan asas anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contributor Protect • Contributor Saver • Contributor Parent Protect • Contributor Parent Saver • Contributor Spouse Protect • Contributor Spouse Saver 				

Caj dan Potongan

Pengasingan berdasarkan sumbangan anda

JENIS	MAKLUMAT																							
Caj Wakalah Pendahuluan	<p>Caj Wakalah Pendahuluan akan ditolak daripada setiap sumbangan yang diterima sebagai bayaran komisen dan caj berkaitan pengagihan serta kos pengurusan. Caj Wakalah Pendahuluan ke atas sumbangan (termasuk sumbangan untuk rider) ke MSA adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tempoh Bayaran Sumbangan</th><th colspan="5">Tahun Sijil (% sumbangan)</th></tr> <tr> <th>1</th><th>2</th><th>3</th><th>4</th><th>5</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3 Tahun</td><td>29.00%</td><td>22.50%</td><td>13.40%</td><td>-</td><td>-</td></tr> <tr> <td>5 Tahun</td><td>30.00%</td><td>23.75%</td><td>14.40%</td><td>13.10%</td><td>5.50%</td></tr> </tbody> </table> <p>Caj Wakalah Pendahuluan ke atas caruman Takaful Saver kepada IUA ialah 5% sepanjang tempoh pembayaran sumbangan.</p>	Tempoh Bayaran Sumbangan	Tahun Sijil (% sumbangan)					1	2	3	4	5	3 Tahun	29.00%	22.50%	13.40%	-	-	5 Tahun	30.00%	23.75%	14.40%	13.10%	5.50%
Tempoh Bayaran Sumbangan	Tahun Sijil (% sumbangan)																							
	1	2	3	4	5																			
3 Tahun	29.00%	22.50%	13.40%	-	-																			
5 Tahun	30.00%	23.75%	14.40%	13.10%	5.50%																			
Caj Sijil Wakalah	<p>Ini adalah kos pentadbiran untuk menguruskan sijil anda. Potongan Caj Sijil Wakalah bergantung kepada kekerapan pembayaran sumbangan anda.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahunan</th><th>Separa Tahunan</th><th>Suku Tahunan</th><th>Bulanan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM60</td><td>RM30</td><td>RM15</td><td>RM5</td></tr> </tbody> </table>	Tahunan	Separa Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan	RM60	RM30	RM15	RM5															
Tahunan	Separa Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan																					
RM60	RM30	RM15	RM5																					
Potongan Tabarru'	<p>Potongan Tabarru` dikenakan setiap bulan daripada MSA untuk membayar perlindungan takaful anda. Potongan Tabarru` untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur, jantina, status perokok dan tempoh pembayaran sumbangan. Potongan Tabarru` akan meningkat seiring dengan pertambahan usia.</p> <p>Potongan Tabarru` merupakan bahagian tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru` untuk tujuan bantuan dan pertolongan bersama antara peserta-peserta mengikut manfaat selaras dengan manfaat Pelan yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.</p>																							

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak membentuk sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk, sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk butiran mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. **BSN Takaful Makmur** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) dimana sebahagian sumbangan anda akan ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj *Wakalah* seperti yang dinyatakan di dalam jadual Caj dan Potongan di atas.
3. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru'* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam MSA anda. Jumlah agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
4. Anda boleh memilih untuk mengumpul ACP anda ke dalam IUA untuk mendapatkan potensi keuntungan pelaburan. Pulangan di dalam IUA adalah berdasarkan prestasi sebenar dana Takafulink dan ia tidak dijamin. Anda mungkin menerima pulangan yang kurang daripada jumlah yang dibayar ke dalam dana Takafulink.
5. Pulangan daripada MSA anda adalah berdasarkan prestasi sebenar dana Takafulink dan ia tidak dijamin. Anda mungkin menerima pulangan yang kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar ke dalam dana Takafulink.
6. **BSN Takaful Makmur** tidak menyediakan manfaat Dana *Tabarru'* jika sijil telah dibatalkan atau matang.
7. Sumbangan yang anda bayar akan disumbangkan kepada elemen simpanan dan perlindungan produk yang berkenaan seperti manfaat kematian. Jika anda mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan sijil takaful ini dengan kadar pulangan efektif daripada pelaburan alternatif.
8. Selagi jumlah sumbangan dibayar tepat pada masanya dan di dalam tempoh penangguhan bagi setiap tarikh akhir sumbangan tanpa sebarang bayaran tunggakan, ACP dan Manfaat Matang akan dibayar kepada anda.
9. Sekiranya anda tidak membayar sumbangan, sijil anda akan luput jika jumlah MSA tidak cukup untuk membayar tolakan *Tabbaru'* dan caj-caj lain.
10. Amaun sumbangan, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh mengubah jumlah sumbangan, kadar potongan *Tabarru'* dan/atau caj-caj lain dengan memberi notis bertulis seawal 90 hari terlebih dahulu, kecuali untuk rider Contributor. Untuk rider Contributor, notis bertulis seawalnya adalah 30 hari terlebih dahulu.
11. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan sekiranya peristiwa yang dilindungi berlaku semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfat adalah seperti yang dinyatakan di dalam dokumen sijil takaful. Walaupun rider-rider Contributor sedang membayar manfaat, sekiranya terdapat perubahan pada kadar sumbangan atau caj-caj akan memberi kesan kepada jumlah sumbangan tambahan untuk memastikan nilai MSA mencukupi sepanjang tempoh sijil.
12. Jika sijil dibatalkan dalam tempoh 15 hari tempoh rujukan percuma dari tarikh penghantaran sijil, PruBSN akan membayar balik sejumlah wang selepas menolak perbelanjaan perubatan (jika ada) seperti berikut:
 - i. Jumlah dalam MSA dan nilai tunai di dalam IUA (jika ada) yang ditetapkan pada harga unit untuk tarikh penilaian berikutnya; dan
 - ii. Sebarang Caj *Wakalah* Pendahuluan dan Caj Sijil *Wakalah* yang telah ditolak; dan
 - iii. Sebarang potongan *Tabbaru'* yang telah ditolak; dan
 - iv. Sebarang cukai yang telah ditolak.
13. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun, sekiranya anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan menerima nilai penuh jumlah yang telah anda bayar. Nilai serahan sijil (jika perlu dibayar) terdiri daripada sebarang baki dalam MSA dan nilai unit dalam IUA (jika ada) pada penilaian selepas tarikh penamatkan termasuk penolakan sebarang tunggakan hutang.

14. Anda perlu memaklumkan PruBSN tentang sebarang perubahan status merokok, kelas perkerjaan, avokasi atau aktiviti sukan dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi atau Peserta kerena ia boleh memjejaskan sumbangan, terma, syarat dan manfaat sijil.
15. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Berikutnya melainkan ada perubahan.
16. Cukai mengikut kadar semasa boleh dikenakan untuk kelewatan pembayaran atau sumbangan (jika terpakai) di bawah pelan ini.
17. Untuk **BSN Takaful Makmur**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
18. PruBSN, di bawah pelan takaful ini, bertanggungjawab sepenuhnya untuk produk dan manfaat yang ditawarkan, begitu juga dengan sebarang wakil yang dibuat menerusi bahan pemasaran.
19. Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan sumbangan yang dibuat di bawah sijil mengikut kemampuan anda. Untuk berbuat demikian, kami mencadangkan anda berbincang bahawa Wakil BSN yang akan melakukan analisis dan membantu anda membuat keputusan. Anda juga boleh menghubungi PruBSN secara terus untuk maklumat lanjut.
20. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau keraguan antara veri Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

PENGECUALIAN

Manfaat Kematian

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian jika kematian disebabkan akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh penguatkuasaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil. Sebaliknya, PruBSN hanya akan membayar amaan di dalam MSA dan nilai unit di dalam IUA (jika ada).

Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruuh (TPD)

PruBSN tidak akan membayar manfaat TPD jika kecacatan berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:

- a. Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- b. Melakukan kesalahan jenayah atau cubaan untuk melakukan kesalahan jenayah; atau
- c. Penyalahgunaan dadah atau ubatan perangsang termasuk sebarang kesan sampingan yang berpunca daripada penyalahgunaan tersebut; atau
- d. Peperangan atau perbuatan-perbuatan agresif seperti penaklukan, tindakan daripada negara-negara asing, tindakan daripada musuh (sama ada peperangan telah diisyiharkan atau tidak), perang saudara, kebangkitan, revolusi, rusuhan, campur tangan daripada tentera atau rampasan kuasa; atau
- e. Menyertai sukan profesional, selaman skuba, apa jua bentuk perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai seorang anak kapal atau penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat pembawa penumpang komersil yang berlesen dan beroperasi mengikut laluan biasa yang telah dijadualkan atau sebarang aktiviti atau sukan yang berbahaya (termasuklah terjun bungee, geluncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan telah mendapat persetujuan daripada PruBSN terlebih dahulu melalui endorsan khas.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan jika:

- a. Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- b. Pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
- c. Cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- d. Mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
- e. Terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selaman skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas yang dikeluarkan oleh PruBSN; atau
- f. Apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
- g. Penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi doktor.

Pengecualian dan had-had di atas adalah tidak terhad dan anda harus merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

BSN Takaful Makmur adalah pelan yang berasaskan Syariah.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Untuk maklumat / pertanyaan lebih lanjut, sila hubung:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188 Email: customer@prbsn.com.my

www.prbsn.com.my

 SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**

 www.facebook.com/prbsn

 www.instagram.com/prbsn_official

 www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Pelan ini diedarkan oleh:



Bank Simpanan Nasional

Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 1300 88 1900

www.bsn.com.my

BSN adalah pengedar pihak ketiga dan tidak menerima liabiliti untuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PruBSN.

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.